

Newspaper	BERITA HARIAN
Date	30/01/2018

Teroka pasaran baharu Industri 4.0

BH-30/1/2018 ps. 2

➔ Najib gesa dewan perniagaan bekerja sebagai satu gerakan

Oleh Zanariah Abd Mutalib
zanariah_mutalib@bh.com.my

Putrajaya

Dewan perniagaan di negara ini perlu bekerja sebagai satu gerakan kukuh bagi menangani cabaran mendatang, terutama melalui Revolusi Perindustrian Keempat (Industri 4.0).

Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak, berkata sebagai antara 25 negara pengeksport dunia, ahli perniagaan di negara ini tidak boleh berhenti meneroka pasaran baha-

ru, mempelbagaikan produk dan menyediakan peluang pekerjaan baharu untuk generasi muda.

"Dalam pada pemusatan ekonomi dunia bergerak ke Timur, ia jelas menunjukkan kepada semua bahawa abad ke-21 sebagai abad Asia akan menjadi kenyataan dan kita mesti menggunakan sepenuhnya saat ini.

"Ini bermakna, kita mesti mengambil peluang terhadap Inisiatif Jalur dan Jalan (BRI) China, yang berpotensi untuk mencipta platform terbesar bagi kerjasama ekonomi," katanya.

Perdana Menteri berkata demikian ketika menyampaikan ucapan pada majlis makan malam *Future Begins Tonight* di Seri Perdana, di sini, malam tadi.

Yang turut hadir, isterinya, Datin Seri Rosmah Mansor; Presiden Dewan Perniagaan Melayu Malaysia (DPMM), Rizal Faris Mohideen Abdul Kadir; Presiden Dewan Perniagaan dan Industri Malaysia (NCCIM), Tan Sri Ter Leong Yap



Kita turut mengalu-alukan pelabur dari mana sahaja dan saya boleh memberitahu anda, negara di seluruh dunia juga sangat gembira apabila Malaysia melabur di negara mereka"

Najib Razak,
Perdana Menteri

serta kepimpinan dewan perniagaan dan organisasi perniagaan tempatan.

Sedia insentif, latihan

Perdana Menteri berkata, kerajaan juga sentiasa mencari jalan untuk menyediakan insentif baharu, latihan dan peluang untuk semua rakyat Malaysia.

"Pelaburan langsung asing yang diterima Malaysia menyediakan pemindahan pekerjaan dan kemahiran, selain meningkatkan taraf kehidupan jutaan keluarga.

"Kita turut mengalu-alukan pelabur dari mana sahaja dan saya boleh memberitahu anda, negara di seluruh dunia juga sangat gembira apabila Malaysia melabur di negara mereka," katanya.

Pada majlis itu, Perdana Menteri turut melancarkan inisiatif kerjasama DPMM serta NCCIM melalui Strategi Dewan Global serta Pelan Induk Pembangunan Sumber Manusia Berhad bagi Pembangunan Modal Insan Tenaga Kerja Kebang-

saan 2018-2025.

Perdana Menteri turut menerima hadiah seekor kucing jantan baka Parsi Eksotik bernama Sugar daripada Kelab Pencinta Kucing Malaysia.

Sementara itu, menerusi Twitter rasminya, Perdana Menteri menyuarakan keyakinan, inisiatif 'Malaysia City Brain' bakal memberi manfaat yang signifikan kepada rakyat negara ini.

Beliau berkata, inisiatif bandar pintar menggunakan kecerdasan buatan (AI) itu akan membawa Malaysia ke depan dalam penggunaan teknologi berkenaan.

"Tahniah MDEC (Perbadanan Ekonomi Digital Malaysia) dan Alibaba Cloud. (Saya) gembira melihat ekosistem Artificial Intelligence Malaysia menuju selangkah ke depan menerusi inisiatif berimpak tinggi baharu, Malaysia City Brain.

"Sistem bandar pintar ini akan memanfaatkan rakyat Malaysia secara signifikan," katanya.